

NO. SOALAN: 142

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 8976

SOALAN:

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah
belia dan beliawanis dari Sabah yang telah diterima dan berkhidmat
dalam Pasukan Keselamatan khususnya dalam PDRM.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum (*multi racial*). Justeru itu, tugas untuk mempertahankan keselamatan negara merupakan tanggungjawab kolektif seluruh rakyat tanpa mengira kaum atau keturunan. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat mengalu-alukan penyertaan semua kaum di Malaysia yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menyertai pasukan polis.

Bagi negeri Sabah, belia dan beliawanis yang diterima dan layak untuk berkhidmat dalam pasukan polis bagi tempoh tahun 2014, 2015 dan sehingga April 2016 adalah seperti berikut:

	Tahun 2014		Tahun 2015		Tahun 2016 Sehingga April	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
	176	139	1,143	44	12	-
Jumlah	315		1,187		12	